

28 APR 1998

Hamid-madani

MASYARAKAT MADANI 40 TAHUN LAGI, KATA ABDUL HAMID

KUALA LUMPUR, 28 April (Bernama) -- Rakyat Malaysia mampu menjadi masyarakat madani yang benar-benar mantap dalam masa 40 tahun lagi hasil tahap kesedaran dan penghayatan Islam yang semakin tinggi, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Abdul Hamid Othman.

Katanya, persediaan membentuk sebuah masyarakat madani itu bermula sejak pendidikan Islam diperkenalkan di sekolah-sekolah secara wajib.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri perhimpunan sambutan Maal Hijrah 1419 peringkat kebangsaan bertemakan "Kesejahteraan Negara Tanggungjawab Kita" di Pusat Islam di sini.

Perhimpunan yang berlangsung secara sederhana dihadiri Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serta 1,300 orang umat Islam.

Ketika ditanya pada tahap manakah rakyat Malaysia sekarang dalam menjadi sebuah masyarakat madani, Abdul Hamid berkata: "Tak jauh, selama 40 tahun kita mendidik orang (dalam sistem pendidikan negara), 11 tahun (adalah) dengan (memberi) pendidikan Islam. Tahap sekarang ini kita sudah berjaya...dari apa yang dilihat."

Abdul Hamid berkata bahawa pada masa ini ciri-ciri masyarakat madani di kalangan rakyat Malaysia dapat dilihat dengan adanya kesedaran untuk mempunyai nilai-nilai hidup yang baik seperti mahukan hidup sejahtera tanpa huru-hara.

"Sekarangpun apabila bercakap tentang nilai, orang tak berani mengenyekannya, orang tak berani sanggah kerana mereka ada pendidikan," katanya.

Bagaimanapun, Abdul Hamid berkata, nilai-nilai murni lain perlu dipertingkatkan seperti kesedaran kepada alam sekitar dan kehidupan bermasyarakat.

"Orang kita dari segi akidahnya sudah baik, tetapi dari segi kemasyarakatan belum tentu, komitmennya kepada alam sekitar dan manusia belum begitu adil walaupun dia sudah menjadi orang warak," katanya.

-- BERNAMA

RAZ MAI